

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Kit ujian sendiri RM19.90

KPDNHEP tetap harga runcit maksimum hasil sesi libat urus pemain industri

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menetapkan harga runcit maksimum bagi setiap set kit ujian sendiri COVID-19 pada harga RM19.90, manakala harga borong ditetapkan RM16 berkuat kuasa Ahad ini.

Penetapan harga maksimum bagi kit ujian pantas antigen COVID-19 itu diumumkan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi dan Menteri Kesihatan, Khairy Ja-

maludin, dalam satu kenyataan bersama semalam.

"Permintaan terhadap kit ujian pantas antigen COVID-19 (ujian sendiri) dijangka meningkat susulan kesedaran orang ramai dalam membuat ujian sendiri bagi memastikan diri bebas daripada wabak COVID-19.

"Berikutan itu KPDNHEP sudah mengadakan libat urus dengan semua pemain industri tempatan dan pengimport dalam menentukan harga kawalan yang berpatutan bagi semua pihak.

"KPDNHEP juga menjangkakan kesan persaingan akan menstabilkan lagi harga jualan di semua peringkat seperti mana berlaku kepada harga pelitup muka," menurut kenyataan itu.

Sebelum ini, Ketua Setiausaha KPDNHEP, Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad, dilaporkan berkata pihaknya menerima banyak rungutan dan desakan yang menyifatkan harga bagi satu set kit ujian sendiri RM35 hingga RM39.90 adalah terlalu mahal.

Dalam pada itu, Alexander dan Khairy berkata, penentuan harga

maksimum borong dan runcit kit ujian sendiri itu dibuat berdasarkan maklumat yang diterima ketika pemantauan harga di semua premis dan farmasi.

"Selain itu, kita turut menerima maklum balas daripada Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA), Kementerian Kesihatan (KKM) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) serta perbincangan dengan pengilang, pengimport, peruncit dan persatuan farmasi barangan berkenaan.

"Harga kit ujian sendiri yang dikawal itu adalah satu peranti diluluskan secara bersyarat oleh MDA bawah KKM bagi pencegahan antigen yang menyebabkan COVID-19 dengan menggunakan sampel bendalir mulut atau calitan hidung.

"Sebagai kerajaan yang prihatin dan serius dalam menangani kos sara hidup yang meningkat pada masa kini serta tanda sokongan KKM, pihak KPDNHEP membuat kawalan harga ke atas kit ujian berkenaan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan Akta Kawalan

Bekalan 1961," katanya.

Katanya, penentuan harga maksimum borong dan runcit terhadap kit ujian sendiri itu dibuat disifatkan sebagai mengikut kewajaran dan kesesuaian penguatkuasaan yang lebih berkesan bagi memastikan harga yang berpatutan dan keberadaan bekalan di pasaran memberi manfaat kepada pengguna dan peniaga.

Sekiranya terdapat peniaga yang gagal mematuhi peraturan yang ditetapkan, tindakan akan diambil bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan boleh dikenakan penalti.

"Iaitu bagi kesalahan menjual melebihi harga maksimum bagi individu, mereka boleh didenda oleh mahkamah sehingga RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau keduanya atau dikompaun sehingga RM50,000.

"Bagi kesalahan yang dibuat oleh pihak syarikat pula, syarikat itu boleh didenda sehingga RM500,000 atau dikompaun sehingga RM250,000," katanya.

Kes baharu COVID-19 kembali lepassi angka 20,000

Putrajaya: Tujuh negeri kekal dengan jangkitan harian baharu melebihi empat angka ketika penularan COVID-19 negara ini kembali melepasi 20,000 iaitu 20,988 kes baharu semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata daripada jumlah kes yang dilaporkan semalam, Selangor kekal negeri mencatatkan jangkitan tertinggi dengan 4,073 kes.

Beliau berkata, enam negeri lagi mencatatkan pertambahan kes empat angka iaitu Sarawak 2,992 kes, Kedah (2,455), Sabah (2,329), Johor (2,145), Pulau Pinang (1,600) dan Kelantan (1,247).

"Selain itu, Terengganu (987), Perak (990), Kuala Lumpur (731), Pahang (599), Melaka (407), Negeri Sembilan (301), Perlis (90), Putrajaya (37) dan Labuan (lima)," katanya menerusi Facebook, semalam.

Jumlah keseluruhan individu yang dijangkiti COVID-19 di negara ini mencecah 1,786,004 kes.

Sementara itu, pemberian vaksin COVID-19 harian mencatatkan peningkatan apabila sebanyak 398,134 dos suntikan diberikan sehingga malam kelmarin, sekali gus menjadikan kumulatif 35,150,474 dos vaksin melalui Program Immunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).

Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekala Vaksin COVID-19 (JKJAV) menerusi ciptan di Twitter semalam, memaklumkan populasi keseluruhan di Malaysia yang lengkap divaksin meningkat kepada 46.7 peratus atau 15,241,655 individu, setakat kelmarin.

Selain itu, katanya, sebanyak 61 peratus atau 19,932,137 individu sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos pelalihan itu.

Populasi dewasa sudah lengkap vaksin juga meningkat kepada 65.1 peratus, manakala yang menerima sekurang-kurangnya satu dos pula direkodkan sebanyak 85.1 peratus atau 19,932,137 orang.

Perkongsian sama turut menyaksikan Labuan mendahului senarai peraturan keseluruhan populasi lengkap divaksinasi dengan 65 peratus.

Ia disusuli Lembah Klang yang merekodkan 68.3 peratus, diikuti Sarawak (63.2 peratus); Negeri Sembilan (57.7 peratus) dan Perlis (48.7 peratus); Pulau Pinang (44.7 peratus) dan Melaka (43 peratus).

Jangkaan beralih ke fasa endemik

Pakar epidemiologi berbeza pandangan

Kuala Lumpur: Jangkaan negara beralih ke fasa endemik COVID-19 menjelang akhir bulan hadapan mengundang pandangan berbeza dalam kalangan pakar epidemiologi, susulan kadar semasa pemvaksinan negara.

Ada yang menyatakan jangkaan berkenaan mampu dicapai walaupun kadar pemvaksinan belum melepasi 80 peratus, selain tidak kurang juga menjelaskan peralihan fasa hanya boleh berlaku selepas negara mencapai imuniti kelompok.

Dari segi epidemiologi, imuniti kelompok hanya akan terbentuk apabila 80 peratus keseluruhan populasi daripada pelbagai latar belakang lengkap divaksinasi, menjadikan pandemik boleh beralih kepada endemik.

Ini kerana, teori saintifik menjelaskan, masyarakat sudah bebas berfungsi seperti sedia kala tanpa perlu bergantung kepada norma baharu, selain amalan itu hanya bersifat sebagai langkah pencegahan tambahan, jika negara berada dalam fasa endemik.

Timbalan Dekan Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Sharifa

Ezat Wan Puteh, berkata norma baharu hanya terpakai jika penulanan varian membimbangkan (VOC) baharu direkodkan ketika negara berada dalam fasa endemik.

Beliau yang juga Profesor Kesihatan Awam, berkata pelaksanaan amalan itu juga hanya tertumpu kepada lokaliti tertentu yang terjejas dengan penularan VOC baharu berkenaan, tanpa membabitkan rakyat keseluruhan.

"Ia mirip pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) yang dikuatkuasakan kerajaan ketika ini. Ini kerana, rawatan COVID-19 ketika fasa endemik hanyalah seperti sakit selama biasa dan bukannya virus yang membunuh seperti peringkat awal penularannya.

"Justeru, saya sifatkan agak awal jika negara beralih ke fasa endemik menjelang akhir Oktober kerana ada banyak negeri yang kadar vaksinasi belum

mencecah 50 peratus pun. Malah kadar vaksinasi kebangsaan bagi populasi keseluruhan hanya 46.7 peratus setakat semalam.

"Kita tak boleh terlalu bergantung kepada kadar vaksinasi populasi dewasa kerana COVID-19 turut menjangkiti kanak-kanak,

selain golongan berkenaan boleh menjadi pembawa walaupun mereka tidak merekodkan jangkitan serius," katanya kepada BH, semalam.

Sementara itu, pakar kesihatan awam (epidemiologi dan biostatistik) dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Malina Osman, berkata peralihan ke fasa endemik boleh di-

buat berdasarkan beberapa parameter lain selain kadar vaksinasi, iaitu jumlah dimasukkan ke hospital, unit rawatan rapi (ICU) dan kes kematian.

"Paling utama sistem kesihatan dapat berfungsi seperti sepatutnya, tidak hanya terjurus kepada COVID-19 sahaja. Saya

tiada halangan untuk kita beralih ke fasa endemik jika sistem kesihatan tidak lagi terbeban dan peralihan perlu segera dilakukan bagi mengelak kesan terhadap kesihatan mental, sosial dan ekonomi.

"Tindakan kerajaan bergantung kepada (kadar vaksinasi) populasi dewasa pula saya anggap sebagai strategi memenuhi sasaran sekurang-kurangnya golongan berisiko yang menunjukkan komplikasi atau angka kematian tinggi untuk didahulukan bagi pemvaksinan.

"Berdasarkan teori pun kalau selepas 40 hingga 50 peratus (kadar vaksinasi), angka jangkitan memang akan turun. Justeru, dari segi ketepatan untuk jangkaan situasi, lebih baik bergantung kepada data keseluruhan dan bukannya hanya populasi dewasa sahaja," katanya.

Di **Kuching**, Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak, Datuk Sri Dr Sim Kui Hian, berkata negeri itu sudah berse- dia memasuki fasa endemik mulai hujung Oktober tahun ini, dengan masyarakat boleh mula hidup dengan persekitaran baharu bersama virus COVID-19.



Dr Sharifa Ezat Wan Puteh

Terkini COVID-19 23,473 **Pulih, dibenar keluar hospital, semalam** 20,988 **Kes baharu disahkan, semalam** 17,191 **Jumlah kematian dicatat** 1,786,004 **Jumlah kes disahkan positif** 262,540 **Kes yang masih dirawat**

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

CPRC tumpu strategi tangani wabak di negeri kritikal

Putrajaya: Pusat Kesiapsiagaan dan Tindakan Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC) kini memberi tumpuan utama kepada strategi menangani penularan COVID-19 di negeri yang berdepan jangkitan kritikal.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata pihaknya juga memberi perhatian kepada usaha mengurangkan kes kematian mangsa pandemik itu yang berlaku di luar fasiliti kesihatan (BID).

Beliau berkongsi matlamat itu selepas mempengerusikan mesyuarat CPRC yang pertamanya, selaku Menteri Kesihatan di bawah pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

"Mempengerusikan mesyuarat CPRC pertama saya hari ini (semalam). Antara fokus utama ketika ini adalah butiran data, strategi untuk menangani COVID-19 di negeri kritikal dan mengurangkan kematian di

luar fasiliti kesihatan (BID)," katanya.

Difahamkan, mesyuarat berkenaan berlangsung mulai jam 8.30 hingga 10 pagi dengan turut dihadiri Timbalan Menteri I, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali dan Timbalan Menteri II, Datuk Aaron Ago Dagang.

Turut serta pengurusan eksekutif Kementerian Kesihatan (KKM) termasuk Ketua Setiausahaanya, Datuk Mohd Shafiq Abdullah; Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah dan Pengarah Kesihatan Negeri.

Mesyuarat dijalankan secara hibrid itu turut membincangkan situasi di setiap negeri di seluruh negara melalui penerangan yang dikemukakan oleh pengarah kesihatan setiap negeri.

Sementara itu, dalam perkembangan berasingan, Dr Noor Hisham menerima pengiktirafan antarabangsa, *International Surgical Fellowship Award* daripada



Khairy mempengerusikan mesyuarat CPRC pertama di Putrajaya, semalam.

(Foto Twitter KJ)

Persatuan Pembedahan Antarabangsa (ISS).

Dr Noor Hisham menerima pengiktirafan itu semasa 'The Virtual Surgical Week' (VSW 2021) yang berlangsung sejak 30 Ogos lalu sehingga hari ini.

Khabar gembira itu dikongsi Khairy dalam ciapan Twitternya, "Tahniah @DGHisham atas pengiktirafan 'International Sur-

gical Society Fellowship Award'. Ia juga satu pengiktirafan untuk Malaysia. Syabas!" katanya.

Turut menerima pengiktirafan itu ialah Dr Gaurav Agrawal dari India dan Dr Yousef Saleh Al-Alawi dari Arab Saudi.

Ketika dihubungi BERNAMA, Dr Noor Hisham mengucapkan syukur atas pengiktirafan terbit.

"Alhamdulillah," katanya yang pernah dilantik sebagai Ahli Majlis Tertinggi Jawatankuasa Eksekutif ISS selama lima tahun (2017-2019, 2019-2021).

Dr Noor Hisham sebelum ini menerima Anugerah Brand Laureate - Kecemerlangan Jenama Kepimpinan 2020 daripada Yayasan Jenama Dunia (The World Brands Foundation).

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : COVID-19

Johor Bahru

Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ) semalam mengesahkan dakwaan seorang wanita yang melahirkan anak secara bersendirian di Hospital Sultan Ismail (HSI) di sini, pada 31 Julai lepas.

Pengarah JKNJ Datuk Dr Aman Rabu dalam satu kenyataan semalam berkata, secara keseluruhannya, aduan wanita berusia 36 tahun yang juga pesakit positif Covid-19 itu adalah berasas.

"Dia perlu ditempatkan di ruang isolasi yang tertutup (kerana positif Covid-19). Proses bersalin berlaku di luar jangkaan...ia berlaku lebih awal daripada tempoh jangkaan bersalin enam jam. Pesakit sudah bersalin secara bersendirian dan bayi dida-



Wanita berkenaan kemudiannya diletakkan di dalam bilik nombor dua dewan bersalin dengan pintu sentiasa tertutup kerana dia positif Covid-19"

Dr Aman Rabu

JKNJ SAHKAN DAKWAAN WANITA COVID-19 BERSALIN SECARA BERSENDIRIAN DI HSI

'PROSES BERSALIN LUAR JANGKAAN'

pati berada di atas katil pesakit.

"Bagaimanapun, JKNJ akan menjalankan siasatan lebih terperinci mengenai kejadian ini dan mengambil tindakan penambahbaikan yang diperlukan," katanya.

Dr Aman menjelaskan wanita yang mengandung anak keempat dengan usia kandungan 39 minggu itu, hadir ke bilik saringan HSI pada 5.33 pagi, 23 Julai kerana sudah mempunyai tanda-tanda awal hendak bersalin serta mengesahkan dia kontak rapat suaminya yang disahkan positif Covid-19.

Selepas diperiksa, wanita itu didapati berada di peringkat awal kelahiran dengan bukaan pangkal rahim tiga sentimeter dan kemudian dimasukkan ke bilik iso-

lasi pada jam 10.18 pagi sementara menunggu keputusan Ujian Tindak Balas Berantai Polimerase (RT-PCR).

Dr Aman berkata, wanita berkenaan kemudiannya diletakkan di dalam bilik nombor dua dewan bersalin dengan pintu sentiasa tertutup kerana dia positif Covid-19.

Pegawai perubatan dan

jururawat sudah memeriksa pesakit pada 4.26 petang dan mendapati hasil keputusan PCR wanita itu positif dan perlu melahirkan secara pembedahan dengan bukaan pada ketika itu empat sen-

timeter serta mengalami kontraksi tidak teratur dan pesakit dipersiapkan untuk pembedahan.

Baru-baru ini, tular menerusi Facebook hantaran wanita berkenaan yang mendakwa terpaksa melahirkan anak sendirian di dalam bilik bersalin meskipun cuba memanggil petugas kesihatan berulang kali.

Sementara itu, Dr Aman berkata, dakwaan pesakit yang mengatakan mendengar bunyi ketawa pula berkemungkinan datang daripada bunyi bisik di bilik bersalin berhampiran, yang ketika itu sedang melakukan prosedur kelahiran bayi secara vakum.



Kelantan capai 80% imuniti kelompok akhir bulan ini

Tumpat: Kelantan mampu mencapai 80 peratus imuniti kelompok menjelang akhir September ini hasil agihan 1.2 juta vaksin Covid-19 seperti yang diumumkan kerajaan.

Menteri Besar Ahmad Yakob berkata, setakat ini 585,000 dos vaksin sudah diperolehi.

"Setakat ini kita tertinggal di belakang berbanding beberapa negeri lain dan kalau vaksin ikut jadual, kita yakin akan dapat (capai) 80 peratus komuniti kelompok hujung September ini.

"Sekarang ada 585,000 dos dalam tangan dan akan sampai pula 1.2 juta dos, maknanya cukup untuk kita sampai imuniti kelompok malah semalam (kelmarin), kita mampu suntik 36,394 dos dalam tempoh sehari di seluruh Kelantan," katanya kepada media di sini, semalam.

Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin Abu Bakar kelmarin mengumumkan, kerajaan akan mengagihkan 1.2 juta dos vaksin Covid-19 kepada Kelantan serta empat negeri lain yang dica-

takan mempunyai penularan jangkitan harian yang tinggi.

Ahmad menyifatkan ia perkembangan yang baik dan memberi semangat kepada rakyat Kelantan untuk mendapatkan suntikan vaksin dengan lebih cepat.

Pada masa sama, Ahmad berkata 20,000 dos vaksin yang dibekalkan nanti akan diperuntukkan untuk penduduk di kawasan yang sering dilanda banjir di negeri ini.

Menurutnya lagi, ia bertepatan dengan hasrat untuk mempercepatkan proses pemberian suntikan vaksin Covid-19 terhadap penduduk di kawasan yang berisiko mengalami banjir yang dijangka akan selesai menjelang Oktober ini.

"Kita akan beri tumpuan kepada kawasan banjir besar dan lokasi yang berisiko banjir yang mana 20,000 dos akan kita letak (agih) di lokasi berkenaan.

"Kita harap dapat habiskan (proses suntikan vaksin) sehingga September ini, pada masa sama, kami harap banjir besar tidak melanda," katanya.

Georgetown: Pasar Awam Padang Tembak di sini, ditutup serta-merta bermula, semalam berikutan sembilan pengguna, peniaga dan pembantu kesihatan awam (penyedia pasar) didapati positif Covid-19.

Arahan penutupan mem-babitkan 121 gerai itu berkuat kuasa sehingga ke satu tarikh akan diumumkan kelak sebagai langkah mengekang penularan wabak itu.

Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) menerusi kenyataannya berkata, penutupan pasar awam berkenaan dilakukan bagi kerja sanitasi dan disinfeksi.

Katanya, selain itu MBPP bersama Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JK-NPP) akan turut menjalankan penilaian Covid-19 terhadap pasar itu.

"Orang ramai dinasihati



PASAR Awam Padang Tembak ditutup serta-merta bermula semalam berikutan sembilan individu didapati positif Covid-19

Bangkok: Thailand mula melonggarkan beberapa sekatan Covid-19 di Bangkok dan 28 wilayah berisiko tinggi bermula kelmarin berikutan jumlah kes baharu terus mencatatkan penurunan.

Dalam tempoh 24 jam, Thailand mencatat 14,802 kes baharu Covid-19 dan 252 kematian, menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 1,219,531 dan 11,841 korban setakat ini.

Kelmarin juga menandakan hari ke-11 berturut-turut jumlah kes baharu di bawah angka 20,000.

Penolong jurucakap Pusat Pentadbiran Situasi Covid-19 (CCSA) Dr Apisamai Srirangsan berkata, Ke-

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : COVID-19

Tetap harga kit ujian sendiri

Putrajaya

Jualan runcit dan borong ditetapkan RM19.90 serta RM16 bermula 5 September ini

Kerajaan menetapkan harga runcit maksimum bagi kit ujian pantas antigen Covid-19 (ujian sendiri) pada RM19.90 bagi setiap set manakala harga borong ditetapkan RM16 satu set berkuat kuasa 5 September ini.

Penetapan harga maksimum bagi kit ujian pantas antigen Covid-19 itu diumumkan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi dan

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaludin dalam satu kenyataan bersama, semalam.

"Penentuan harga maksimum borong dan runcit kit ujian pantas antigen Covid-19 (ujian sendiri) dibuat mengikut kewajaran dan kesesuaian bagi penguatkuasaan yang lebih berkesan untuk memastikan harga yang berpatutan dan keberadaan bekalan di pasaran bagi manfaat pengguna dan peniaga," menurut kenyata-

an itu.

Menurut kenyataan itu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menentukan harga maksimum borong dan runcit kit ujian pantas antigen Covid-19 berdasarkan pemantauan harga di semua premis dan farmasi di selu-

ruh negara.

Harga maksimum turut ditentukan berdasarkan maklum balas dari agensi kerajaan seperti Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan perbinca-ngan dengan pengilang,

pengimport, peruncit serta persatuan farmasi barangan terbabit.

KPDNHEP juga sudah mengadakan libat urus dengan semua pemain industri tempatan dan pengimport dalam menentukan harga kawalan yang berpatutan bagi semua pihak.

Kenyataan bersama itu menyebut KPDNHEP dan KKM bekerjasama dalam melaksanakan penentuan harga borong dan runcit

berkenaan susulan permintaan terhadap kit ujian itu yang dijangka meningkat berikutan kesedaran orang ramai bagi membuat ujian sendiri bagi memastikan diri bebas daripada wabak Covid-19.

"Kerajaan yang prihatin dan serius dalam menangani kos sara hidup yang meningkat pada masa kini dan sebagai tanda sokongan Kementerian bagi menangani wabak Covid-19," katanya.

Penentuan harga berdasarkan pemantauan harga di semua premis, farmasi seluruh negara

Tiada warga Bangladesh positif mengambil vaksin

Johor Bahru: Tiada kes positif Covid-19 dikesan di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Dewan Muafakat Adda Height di sini, sebagaimana tular di media sosial.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ), Datuk Dr Aman Rabu berkata, mesej terbabit adalah tidak benar.

Katanya, tiada laporan tiga warganegara Bangladesh positif Covid-19 dikesan ambil vaksin di PPV terbabit.

"Menurut laporan dari Pejabat Kesihatan Daerah

(PKD) Johor Bahru, berita tidak benar, tiada tiga warga Bangladesh yang positif Covid-19 dikesan," katanya dihubungi di sini, semalam.

Mesej tular itu meminta orang ramai yang pergi ke PPV berkenaan supaya berhati-hati kerana minggu lalu terdapat tiga warganegara Bangladesh yang mengambil vaksin positif Covid-19.

Mesej itu turut menyatakan PPV berkenaan juga tidak ditutup untuk proses sanitasi awam dan tidak selamat dikunjungi.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : COVID-19

Melaka, Negeri Sembilan beralih ke Fasa 2, 3 PPN

Kuala Lumpur: Berita gembira bagi rakyat Melaka dan Negeri Sembilan apabila masing-masing beralih ke Fasa 2 dan 3 Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob yang mengumumkan perkara itu berkata, peralihan Fasa PPN itu berkuat kuasa Sabtu ini.

Sidang Khas Pengurusan Pandemik Covid-19 semalam memutuskan bersetuju untuk membuka sektor pelancongan di beberapa destinasi di bawah program gelembung perjalanan berdasarkan syarat yang ditetapkan.

Perdana Menteri berkata, sebagai permulaan, Pulau Langkawi dipilih sebagai projek rintis untuk dibuka kembali kepada pelancong tempatan bermu-

la 16 September manakala destinasi pelancongan yang lain akan dibenarkan beroperasi apabila kadar vaksinasi lokaliti mencapai 80 peratus.

Dalam pada itu, Perdana Menteri turut menyatakan semalam buat pertama kalinya selepas beberapa bulan, kadar purata kebole-hangkitan (R-naught) seluruh negara berada di bawah 1.0.

"Saya yakin kita berada di landasan yang tepat ke arah pemulihan negara.

"Saya percaya kadar vaksinasi 100 peratus akan dicapai akhir Oktober 2021, sekali gus memberi perlindungan kepada Keluarga Malaysia," katanya.

Menurutnya, rakyat juga perlu bersedia untuk hidup bersama Covid-19 sebagai endemik selepas Oktober.

Rekod 20,988 kes, 249 kematian

Sebanyak 20,647 kes terdiri daripada kategori satu dan dua

Oleh Hafidzul Hilmi Mohd Noor
hafidzul@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Bilangan kes baharu Covid-19 semalam kembali meningkat kepada 20,988 kes berbanding 18,762 kes yang direkodkan kelmarin.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, rekod itu menjadikan kumulatif kes keseluruhan di Malaysia setakat ini mencecah 1,786,004 kes.

"Daripada 20,988 kes harian yang dilaporkan, sebanyak 341 kes (1.6 peratus) adalah daripada kategori 3, 4 dan 5 manakala sebanyak 20,647 kes (98.4 peratus) lagi



Secara keseluruhan, sebanyak 9,860 kes (47.0 peratus) daripada jumlah kes yang dilaporkan tiada sejarah vaksinasi"

Dr Noor Hisham

adalah terdiri daripada kategori 1 dan 2.

"Secara keseluruhan, 9,860 kes (47.0 peratus) daripada jumlah kes yang dilaporkan tiada sejarah vaksinasi, 4,995 kes (23.8 peratus) sudah menerima sekurang-kurangnya satu (1)

dos vaksin manakala 6,133 kes (29.2 peratus) mempunyai sejarah vaksinasi lengkap," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, Selangor masih kekal merekodkan kes tertinggi dengan 4,073 kes diikuti Sarawak (2,992) dan Kedah

(2,455) kes.

"Sabah dan Johor pula masing-masing merekodkan 2,329 dan 2,145 kes manakala Pulau Pinang (1,600) serta Kelantan (1,247) kes.

"Di Perak kes dicatatkan ialah 990 diikuti Terengganu (987), Kuala Lumpur (731), Pahang (599), Melaka (407), Negeri Sembilan (301), Perlis (90), Putrajaya (37) dan Labuan (5)," katanya.

Menurutnya, sebanyak 249 kes kematian dilaporkan membabitkan 198 warganegara dan 51 bukan warganegara.

"Sebanyak 1,417 kes pula memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) daripada jumlah itu 416 memerlukan bantuan pernafasan," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : COVID-19



Oleh Amir Abd Hamid
amir_hamid@mediapri-
ma.com.my

Kuala Lumpur

Sebanyak 47 kematian dalam kalangan bayi, kanak-kanak dan remaja berusia di bawah 18 tahun direkodkan sepanjang pandemik Covid-19 melanda negara ini sejak tahun lalu.

Menerusi data dikeluarkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), terdapat enam kematian membabitkan individu berusia kosong hingga 17 tahun pada tahun lalu.

Manakala, sebanyak 41 kematian direkodkan membabitkan golongan sama setakat 30 Ogos lalu.

Selain itu, seramai 322,694 dalam kalangan golongan sama dijangkiti virus Covid-19


Sebanyak 41 kematian direkodkan membabitkan golongan sama setakat 30 Ogos lalu

sejak pandemik bermula dengan 12,620 jangkitan berlaku pada tahun lalu manakala sebanyak 310,074 dijangkiti pada tahun ini.

Menurut data itu, jangkitan membabitkan usia kosong hingga empat tahun adalah sebanyak 3,180 pada 2020 dan meningkat kepada 81,168 bagi tempoh sama tahun ini.

Data menunjukkan kematian membabitkan golongan usia itu pada tahun lalu adalah tiga kematian (0.09 kadar kematian kes), manakala terdapat 15 kematian (0.02 kadar kematian kes) tahun ini.

Terdapat 1,227 kes jangkitan membabitkan usia lima hingga enam tahun pada tahun lalu dengan tiada kematian direkodkan. Manakala setakat 30 Ogos tahun ini, terdapat 32,996 kes jang-



SERAMAI 322,694 dalam kalangan golongan di bawah usia 18 tahun dijangkiti virus Covid-19 sejak pandemik bermula.

kitan termasuk satu kematian bagi usia sama.

Bagi usia tujuh hingga 12 tahun pula, sebanyak 4,071 jangkitan direkodkan dengan satu kematian tahun lalu, dan berlaku peningkatan drastik tahun ini iaitu terdapat 106,823 kes dengan

sembilan kematian.

Rekod bagi tempoh sama untuk kategori usia 13 hingga 17 tahun pula, sebanyak 4,142 kes jangkitan dengan dua kematian pada tahun lalu manakala terdapat 89,087 kes jangkitan dengan 16 kematian tahun ini.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 6
 RUANGAN : NEGARA

Peningkatan hampir tujuh kali ganda berbanding hanya enam kes tahun lalu

41 kematian babit kanak-kanak, remaja

Oleh NOR IDAYU BOSRO

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan (KKM) merekodkan sebanyak 41 kes kematian Covid-19 dalam kalangan kanak-kanak dan remaja berusia sejak bayi hingga 17 tahun setakat 30 Ogos lalu, iaitu peningkatan hampir tujuh kali ganda berbanding hanya enam kes pada tahun lalu.

Jumlah kematian itu adalah daripada 310,074 kes positif Covid-19 yang direkodkan bagi tempoh sama melibatkan kumpulan umur berkenaan.

Berdasarkan data yang dikeluarkan KKM, kategori umur 13 hingga 17 tahun merekodkan kematian tertinggi dengan 16 kes daripada keseluruhan 89,087 kes yang dijangkiti Covid-19.

Menurutnya, sebanyak 15 kematian direkodkan melibatkan kumpulan umur bayi hingga 4 tahun daripada keseluruhan 81,168 kes positif bagi tempoh tersebut.

"Jumlah kematian dalam kategori umur 7 hingga 12 tahun pula



NEGARA mencatatkan 41 kematian akibat Covid-19 membabitkan individu berusia bawah 17 tahun sepanjang tahun ini. - GAMBAR HIASAN

merekodkan sembilan kematian berbanding hanya satu tahun lalu.

"Kumpulan umur ini juga merekodkan angka kes jangkitan tertinggi berbanding kategori usia lain dengan 106,823 kes," katanya di sini semalam.

Sementara itu, KKM berkata, hanya satu kematian membabitkan kumpulan umur 5 hingga 6 tahun berbanding sifar kematian tahun lalu.

"Jumlah itu daripada keseluruhan 32,996 kes yang direkodkan setakat Ogos lalu," katanya.

Kelmarin, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar menerusi sidang akhbar di KKM memaklumkan pemberian vaksin kepada kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah masih belum mendapat kelulusan.

Beliau berkata, perkara itu sedang diteliti agensi pengawal seliaan sama ada badan Pentadbiran Makanan dan Ubat-ubatan (FDA) mahupun Pihak Berkuasa Kawalan Kesihatan Kebangsaan (NHRA).

Longgar syarat jadikan hotel sebagai PKRC risiko rendah

GEORGE TOWN - Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) diharapkan dapat melonggarkan syarat-syarat sedia ada untuk membolehkan hotel-hotel di negeri ini dijadikan Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC) berisiko rendah.

Pengerusi Pelancongan dan Ekonomi Kreatif Pulau Pinang, Yeoh Soon Hin berkata, langkah itu akan menyediakan satu lagi pilihan kuarantin di bawah tanggungan sendiri kepada pesakit Covid-19 berisiko rendah.

"Banyak pemilik hotel menyatakan minat untuk menjadikan hotel mereka sebagai PKRC terutama ketika kes Covid-19 meningkat pada masa ini. Namun, kerana syarat yang ketat banyak hotel tidak dapat memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh JKNPP.

"Jadi kita harap JKNPP dapat melonggarkan syarat sedia ada agar lebih banyak hotel dapat dijadikan PKRC bagi menampung pesakit serta kontak rapat Covid-19 yang mampu dan mahu membayar caj perkhidmatan yang dikenakan pihak hotel," katanya pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) semalam.

Menurut Soon Hin, untuk makluman, hotel bertaraf empat bintang, Royale Chulan Penang, di sini akan menjadi PKRC



KEADAAN pesakit Covid-19 di PKRC lebih terjamin berikutan mempunyai pasukan perubatan memantau tahap kesihatan mereka. - GAMBAR HIASAN

berisiko rendah mulai semalam dengan satu pasukan perubatan disediakan di sana.

"Setakat 1 September, kita menerima satu permohonan daripada hotel di bahagian pulau, manakala dua hotel di Seberang Perai memohon untuk dijadikan sebagai PKRC.

"Kesemua permohonan ini telah dipanjangkan kepada JKNPP dan kita berharap perbincangan

segera dapat dijalankan agar lebih banyak hotel dapat dijadikan PKRC untuk menampung kekurangan PKRC sedia ada," katanya.

Tambahnya, PKRC di hotel juga dapat membantu rakyat yang mementingkan keselamatan serta kesesuaian ketika menjalani kuarantin memandangkan situasi di rumah yang kurang sesuai.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEGARA

Harga kit ujian sendiri dikawal

RTK antigen Covid-19 dijual pada harga RM19.90 berkuat kuasa Ahad ini

Oleh MOHAMMAD KHAIRIL ASHRAF MOHD KHALID

SHAH ALAM



KHAIRY JAMALUDDIN



ALEXANDER

Harga borong dan runcit bagi kit ujian pantas antigen Covid-19 diletakkan di bawah kawalan berkuat kuasa Ahad ini menerusi Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan Akta Kawalan Bekalan 1961.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi dan Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar dalam satu kenyataan bersama berkata, kit berkenaan akan dijual pada harga RM16 (borong) dan RM19.90 (runcit) bagi satu set.

"Penentuan harga maksimum borong dan runcit kit ujian pantas antigen Covid-19 (ujian sendiri) dibuat mengikut kewajaran dan kesesuaian bagi penguatkuasaan yang lebih berkesan. Ia bagi memastikan harga berpatutan dan keberadaan bekalan di pasaran bagi manfaat pengguna dan peniaga," kata mereka menerusi satu kenyataan pada Khamis.

Menurut mereka, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menentukan harga maksimum borong dan runcit kit ber-



Pegawal farmasi, Nuramieza Man, 28, menyusun kit ujian pantas (RTK) antigen Covid-19 di sebuah farmasi di Seksyen 9, Shah Alam, Selangor.

MEDEPANI KRISIS COVID-19: APA TINDAKAN KITA?

kenaan berdasarkan maklumat harga daripada tiga punca.

Beliau berkata, punca pertama ialah pemantauan harga di semua premis dan farmasi di seluruh negara.

"Kedua, maklum balas daripada agensi kerajaan seperti Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

"Ketiga ialah perbincangan dengan pengilang, pengimport, peruncit dan persatuan farmasi

barang tersebut," kata mereka.

Kedua-dua menteri itu turut mengingatkan bahawa tindakan tegas akan diambil terhadap peniaga yang gagal mematuhi peraturan tersebut.

Kata mereka, peniaga yang melakukan kesalahan akan diambil tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan boleh dikenakan penalti di bawah kesalahan menjual melebihi harga maksimum.

"Individu yang melakukan kesalahan itu boleh didenda sehingga RM10,000 atau dipenjara tidak melebihi tiga tahun atau

Harga baharu kit ujian antigen Covid-19

Harga borong: RM16.00 setiap set | Harga runcit: RM19.90 setiap set



kedua-duanya, atau dikompaun sehingga RM50,000.

"Bagi syarikat pula boleh didenda sehingga RM500,000 atau dikompaun sehingga RM250,000," kata mereka.

Tegas mereka, kementerian telah menyediakan pelbagai medium penyaluran aduan bagi memudahkan rakyat mengemukakan aduan berkaitan isu harga berkenaan.

"Kementerian turut wujudkan Skuad Tindakan Aduan Rakyat (STAR) dalam usaha menangani aduan rakyat," kata mereka.

Aduan boleh dikemukakan menerusi portal e-aduan@kpdnhep.gov.my, Call Centre 1800 886 800, e-mel e-aduan.kpdnhep.gov.my, Enforcement Command Centre (ECC) 03-8882 6245/6088 atau WhatsApp ke 019-279 4317.

Cadang kit ujian sendiri percuma untuk B40

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mempertimbang untuk membekalkan kit ujian sendiri Covid-19 secara percuma kepada golongan B40.

Menterinya, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, pada masa ini harga siling kit ujian pantas Covid-19 ditetapkan pada RM19.90 un-

tuk jualan runcit dan RM16 bagi harga borong.

"Kami juga bercadang untuk membuat pembelian pukal agar harganya dapat dijual lebih rendah," ciapnya menerusi Twitter pada Khamis.

Sebelum ini, kit ujian sendiri dijual pada harga antara RM35 hingga RM39.90 seunit dan ia dilihat membebankan pengguna.

'Tiada perbincangan bersama Persatuan Farmasi Malaysia'

SHAH ALAM - Penetapan harga maksimum kit ujian pantas Covid-19 oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) tidak dibincangkan secara spesifik bersama Persatuan Farmasi Malaysia (MPS).

Presiden MPS, Amrahi Buang berkata, pihaknya kecewa dengan kenyataan kementerian itu dan memohon supaya memperbetul semula maklumat tersebut.

"Pada 6 Ogos 2021, satu surat telah diutuskan kepada KPDNHEP sekiranya kerajaan ingin mengawal harga kit ujian sendiri, perlulah mengambil

kira isu stok yang sedang dipegang oleh farmasi komuniti dan juga isu logistik untuk Sabah dan Sarawak.

"Pada 18 Ogos, kami telah mendapat panggilan untuk menghadiri mesyuarat dengan KPDNHEP yakni, dua jam sebelum masa mesyuarat bermula.

"Isu kawalan harga tersebut dibicarakan tetapi tidak secara spesifik. Harga jualan di bawah harga kos ini tidak dibincangkan," katanya dalam satu



AMRAHI

hantaran di Facebook pada Khamis.

Harga borong dan runcit bagi kit ujian pantas antigen Covid-19 diletakkan di bawah kawalan berkuat kuasa Ahad ini menerusi Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan Akta Kawalan

Bekalan 1961.

Jelas Amrahi, pada 19 Ogos lalu, pihaknya telah mengeluarkan satu kenyataan akhbar dengan memberikan cadangan kepada kerajaan berkaitan kit ujian sendiri itu termasuk isu harga.

Harga siling masih mahal - Fomca

SHAH ALAM -

Kerajaan perlu mengkaji semula penetapan harga siling runcit RM19.90 bagi satu set kit ujian sendiri Covid-19 yang akan berkuat kuasa Ahad ini.

Presiden Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca), Datuk Dr Marimuthu Nadason sebaliknya berkata, harga siling RM9.90 adalah lebih sesuai supaya orang ramai mampu membelinya.

Beliau berkata, kerajaan perlu memahami keadaan ekonomi rakyat yang tidak menentu sekarang.

"Harga RM19.90 terlalu mahal. Kami mahu harga RM9.90 kerana ia dijangka menjadi kegunaan ramai terutama golongan miskin, berpendapatan rendah, pekerja kilang, pekerja pembinaan dan pekerja warga asing.

"Kami dapat membayangkan keadaan kewangan mereka. Golongan berkenaan tidak mam-



MARIMUTHU

pu kerana bukan hanya set kit ujian sendiri Covid-19, malah terpaksa membeli pelitup muka dan cecair pembasmi kuman.

"Keadaan ini akan menjadikan rakyat semakin tertekan sehingga ada yang memakai pelitup muka sama berulang kali,"

katanya kepada *Sinar Harian*.

Marimuthu berkata demikian mengulas mengenai pengumuman penetapan harga siling bagi kit ujian pantas antigen Covid-19 oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi dan Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar dalam satu kenyataan bersama pada Khamis.

Marimuthu berkata, set kit ujian sendiri Covid-19 perlu dimasukkan dalam harga kawalan barangan bagi mengelakkan ada pihak mengambil keuntungan secara melampau.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : NEGARA

Petugas perubatan tidak sempat melakukan pembedahan, bayi keluar lebih awal

Wanita bersalin sendiri positif korona

Oleh MOHAMAD FAIZAL HASHIM

JOHOR BAHRU – Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ) akan mengambil tindakan penambahbaikan yang diperlukan berhubung dakwaan seorang wanita yang telah melalui proses bersalin secara bersendirian di dewan bersalin Hospital Sultan Ismail (HSI) di sini pada 31 Julai lalu.

Pengarahnya, Datuk Dr. Aman Rabu berkata, wanita itu mengandung anak keempat dengan usia kandungan 39 minggu hadir ke bilik saringan pukul 5.33 pagi pada 23 Julai lalu kerana mempunyai tanda awal hendak bersalin.

Menurutnya, pesakit yang berusia 36 tahun itu pula adalah kontak rapat kepada suami yang positif Covid-19.

"Pesakit telah diperiksa pegawai perubatan dan didapati, dia di peringkat awal kelahiran (bukaan pangkal rahim 3 sentimeter)

dan dimasukkan di dalam bilik isolasi pukul 10.18 pagi sementara menunggu keputusan ujian *Polymerase Chain Reaction* (PCR) Covid-19.

"Pesakit diletakkan di dewan bersalin dengan pintu bilik sentiasa ditutup kerana pesakit adalah kes positif Covid-19 dan bilik itu berada agak jauh dari kaunter jururawat," katanya semalam.

Aman berkata, pegawai perubatan dan jururawat telah *donning* dan melakukan pemeriksaan pukul 4.26 petang dan hasil ujian keputusan PCR Covid-19, pesakit itu didapati positif.

"Pemeriksaan ketika itu mendapati, bukaan pangkal rahim wanita itu adalah 4 sentimeter dan mengalami kontraksi yang tidak teratur. Pesakit kemudian dipersiapkan untuk menjalani pembedahan oleh pakar bertugas.

"Proses bersalin pesakit ber-

laku di luar jangkaan apabila ia terjadi lebih awal dari tempoh jangkaan bersalin yang dianggarkan enam jam lagi. Pesakit telah bersalin bersendirian dan bayinya berada diatas katil pesakit.

"Proses *donning* mengambil masa sebelum bantuan oleh anggota bertugas dapat diberikan kepada pesakit," katanya.

Mengenai dakwaan wanita itu mendengar bunyi ketawa yang didakwa staf hospital di luar bilik isolasi itu, Aman berkata, ia berkemungkinan bunyi bisik di bilik bersalin berhampiran yang sedang melakukan prosedur kelahiran bayi secara *vacuum*.

Kelmarin, tular di media sosial mengenai seorang wanita yang mendakwa terpaksa melahirkan anak seorang diri di bilik pengasingan khas bagi ibu hamil yang positif Covid-19 setelah panggilan hospital tidak dilayan.



Di Hospital Sultan Ismail di Johor Bahru inilah seorang wanita bersalin secara bersendirian baru-baru ini.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : DALAM NEGERI

Mustahil paksa suntik vaksin

Oleh MOHAMAD HAFIZ
YUSOFF BAKRI
hafiz.yusoff@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Pelaksanaan undang-undang khusus untuk mewajibkan semua rakyat negara ini mengambil vaksin Covid-19 adalah mustahil.

Peguam, Datuk Firoz Hussein Ahmad Jamaluddin berkata, ini kerana langkah tersebut melanggar hak asasi manusia yang termaktub dalam undang-undang antarabangsa.

Bagaimanapun, menurut beliau, langkah meluaskan kelonggaran prosedur operasi standard (SOP) kepada penerima lengkap dua dos vaksin dilihat cukup untuk 'memerangi' golongan antivaksin.

"Peruntukan undang-undang untuk mewajibkan masyarakat mengambil vaksin Covid-19 adalah melanggar hak asasi manusia."

"Adalah lebih baik pendidikan diterapkan secara berterusan dalam kalangan rakyat bagi mewujudkan kesedaran. Malah dengan memberi kelonggaran kepada penerima dua dos untuk aktiviti fizikal dan sosial sudah



KERAJAAN tidak boleh menggubal undang-undang memaksa orang ramai mengambil vaksin Covid-19. - UTUSAN/SHIDDIEQIN ZON

cukup untuk dijadikan sebagai mekanisme mewajibkan orang ramai mengambil vaksin," katanya kepada *Utusan Malaysia* semalam.

Terdahulu, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, pengambilan vaksin Covid-19 mungkin diwajibkan jika masih ramai yang enggan

menerimanya.

Persatuan Pakar Perubatan Kesihatan Awam Malaysia (PP-PKAM), Datuk Dr. Zainal Ariffin Omar berkata, kerajaan hanya perlu gunakan undang-undang sedia ada untuk memerangi maklumat tidak benar disebarkan golongan antivaksin.

"Undang-undang sedia ada

seperti Akta Hasutan 1948 dan akta yang boleh digunakan untuk mengekang penularan berita palsu.

"Selain itu, langkah kerajaan memberi kelonggaran kepada penerima dua dos sudah cukup untuk menggalakkan orang ramai mengambil vaksin," ujarnya.

Covid-19: Jangan cepat selesa trend kes menurun

SHAH ALAM: Rakyat negara ini terutamanya di Selangor diingatkan tidak cepat selesa dengan trend penurunan jangkitan Covid-19 sejak seminggu lalu sebaliknya mereka perlu terus mematuhi prosedur operasi standard (SOP) walaupun sudah lengkap divaksinasi.

Kerajaan turut diberi amaran tidak terburu-buru untuk memulihkan ekonomi negara dengan membiarkan sektor ekonomi dibuka tanpa kawalan sehingga jangkitan kembali meningkat.

Pengerusi Pasukan Tugas Khas Covid-19 Selangor (STFC), Datuk Seri Dzulkefly Ahmad berkata, penurunan kes Covid-19 tidak boleh diambil mudah berikutan kes kematian masih tinggi khususnya *brought in dead* (BID).

"Ada pun trend nampak macam penurunan, tetapi jangan mudah selesa kerana kita tidak tahu jumlah ujian yang dilakukan dalam beberapa minggu yang lalu. Jumlah kes adalah bergantung kepada jumlah ujian," kata beliau kepada *Utusan Malaysia* semalam.

Sementara itu, Menteri Besarinya, Datuk Seri Amirudin Shari sebelum ini memberitahu, penurunan kes disumbang oleh peranan dimainkan STFC termasuk membuat pengesanan awal di sesebuah kawasan yang berisiko menjadi pusat jangkitan.

"Pemberian vaksin dalam Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) dan program Vaksin Selangor (SelVax) adalah faktor utama kes Covid-19 di Selangor tidak meningkat mendadak, seperti sebelum ini.

"Kerajaan Selangor mensasarkan untuk memperoleh imuniti kelompok di negeri pada akhir September atau Oktober ini," ujarnya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : DALAM NEGERI

Kit ujian pantas Covid-19 RM19.90 bermula Ahad ini

PUTRAJAYA: Harga runcit maksimum bagi kit ujian pantas antigen Covid-19 (ujian sendiri) di pasaran tempatan ditetapkan RM19.90 seunit berkuat kuasa Ahad ini.

Perkara itu diputuskan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Alexander Nanta Linggi dan Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin menerusi kenyataan akhbar bersama hari ini.

Kedua-dua kementerian turut menetapkan harga borong maksimum bagi kit ujian sama pula ditetapkan pada harga RM16 satu set.

"Penentuan harga maksimum kit ujian ini dibuat mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

"Penetapan harga maksimum ini dibuat atas dasar keprihatinan kerajaan dalam usaha menangani kos sara hidup yang meningkat pada masa kini," katanya.

Menurut kenyataan itu, kerajaan sedar bahawa situasi Covid-19 di negara ini belum pulih dan permintaan terhadap kit ujian dijangka meningkat pada masa depan susulan kesedaran orang ramai mahu membuat ujian sendiri.

Justeru, katanya, penentuan harga maksimum borong

dan runcit kit ujian pantas itu dibuat bagi memastikan harga yang berpatutan dan keberadaan bekalan di pasaran bagi manfaat pengguna dan peniaga.

Jelasnya, penentuan harga maksimum juga dibuat selepas melakukan pemantauan harga di semua premis dan farmasi di seluruh negara, maklum balas daripada agensi kerajaan dan hasil perbincangan dengan rantaian bekalan serta syarikat farmasi.

Pada masa sama, KPDNHEP akan mengambil tindakan tegas terhadap peniaga yang gagal mematuhi peraturan-peraturan penetapan harga berkenaan.

Menurutnya, mana-mana peniaga yang melakukan kesalahan diambil tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan boleh dikenakan denda.

"Bagi kesalahan menjual melebihi harga maksimum, individu yang didapati bersalah boleh didenda sehingga RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya atau dikompaun sehingga RM50,000.

"Bagi syarikat pula, mereka boleh didenda sehingga RM500,000 atau dikompaun sehingga RM250,000," katanya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
 MUKA SURAT : 5
 RUANGAN : NEWS / STORY OF THE DAY

ENTERING ENDEMIC STAGE

SELF-TEST KITS CAPPED AT RM19.90

New price fixed due to rising cost of living and to help manage pandemic, say ministers

VEENA BABULAL
 KUALA LUMPUR
 news@nst.com.my

THE ceiling retail price of Covid-19 rapid antigen self-testing kits will be fixed at RM19.90 from Sunday, while the wholesale price will be set at a maximum of RM16.

Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri

Alexander Nanta Linggi and Health Minister Khairy Jamaluddin yesterday said the decision was made considering the rising cost of living and the support needed to manage the pandemic, which had become more challenging in recent months.

Covid-19 self-test kits are currently priced between RM28 and RM41.

The announcement on the new price comes on the heels of the government's projection that the Covid-19 pandemic will enter the endemic stage in about two months when self-testing becomes a crucial aspect in managing the pandemic.

"The price was set for the kits based on the reasonability and suitability for more effective enforcement so that there is no shortage of the kits. They are

available at reasonable prices," Nanta and Khairy said.

However, they said, the authorities expected the price to further stabilise.

The price was determined based on price surveillance in pharmacies nationwide, feedback from the Medical Device Authority and the Customs Department.

Discussions were also held with stakeholders, including manufacturers, importers, retailers and pharmaceutical associations.

Failure to follow the ceiling price can lead to compounds under the Price Control and Anti-Profitteering Act of 2011, with a maximum of RM50,000 or RM250,000 for individuals and companies, respectively.

The court fine does not exceed RM100,000 and/or a three-year

prison term for individuals, while companies can face a fine of up to RM500,000.

For the second or subsequent offences, the offender faces a fine of RM1 million if found guilty.

Federation of Malaysian Consumers Associations president Datuk Dr Marimuthu Nadason welcomed the move.

He, however, called for the ceiling price to be set at RM9.90 instead so that the Bottom 40 income group could afford it.

"It has to be RM10 or below because a B40 family's weekly shopping bill is around RM80. If test kits are RM20, you are depriving them of a quarter of the items they need. And most of these families comprise people who have to go out daily for work despite the pandemic.

"They live with four to six

members in cramped homes. If this is the price, moving on to the endemic stage, how can they test themselves regularly?"

Marimuthu proposed that the government subsidised the sum to enable this group to have adequate access to test kits.

"We need to know which category of individuals makes up the bulk of the infections. They could be factory workers from the manufacturing and construction sectors, as well as domestic workers and small-scale traders who depend on daily wages."

He said the government must beef up enforcement so that there would be no hoarding or disruption in test kits supplies.

He said there should not be a repeat of the face mask experience last year when its price was fixed.